

01 JUL 2003

PUTIN-FORUM/I

PUTIN BERUCAP DI FORUM PERNIAGAAN M'SIA-RUSSIA DI KL MINGGU DEPAN

KUALA LUMPUR, 1 Julai (Bernama) -- Presiden Russia Vladimir Putin yang akan melakukan lawatan rasmi ke Malaysia minggu depan, akan menyampaikan ucapan khas di Forum Perniagaan Malaysia-Russia pada 8 Julai.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan turut menghadiri forum itu yang akan diadakan sempena pelancaran Majlis Perniagaan Malaysia-Russia.

Selepas menyampaikan ucapan khas itu, Putin dan Dr Mahathir dijangka mengadakan sesi dialog dengan para peserta.

Forum itu dianjurkan bersama Institut Strategik dan Kepimpinan Asia (ASLI), Dana Kerjasama Russia-ASEAN (RACF) dan Kedutaan Russia di Kuala Lumpur.

Objektif forum itu ialah untuk mengukuhkan perniagaan bilateral dan kerjasama ekonomi antara Malaysia dan Russia yang dibina atas kejayaan Forum Perniagaan Malaysia-Russia di Moscow ketika lawatan Dr Mahathir ke Russia tahun lepas.

Forum itu akan turut mengenal pasti peluang perniagaan dan pelaburan bagi ahli perniagaan Malaysia dan Russian selain menggalakkan perkongsian pintar antara masyarakat perniagaan kedua-dua negara.

Forum Perniagaan Malaysia-Russia itu akan menyediakan pentas bagi pelancaran Majlis Perniagaan Malaysia-Russia oleh Putin. -- BERNAMA

MKO SD AHM